

Soalan Lazim (FAQ) – KEMPEN BELANJA DAN MENANG

1. Siapakah penganjur peraduan ini?

Peraduan ini adalah anjuran bersama oleh Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet).

2. Bilakah tempoh peraduan ini?

Peraduan berlangsung dari 1 Oktober 2025 (00:01 GMT+8) hingga 15 Disember 2025 (23:59 GMT+8).

3. Siapakah yang layak menyertai?

Anda layak jika:

- Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap, berumur 18 tahun ke atas.
- Mempunyai dokumen pengenalan sah.
- Pemegang kad MyDebit ATM yang aktif yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia.
- Mempunyai ciri DuitNow QR yang aktif dengan institusi kewangan berdaftar.
- Mempunyai akaun yang aktif dan berstatus kewangan baik sepanjang tempoh peraduan.

4. Siapakah yang TIDAK layak menyertai?

- Pekerja Penganjur (PLUS, PayNet, anak syarikat, syarikat bersekutu, syarikat berkaitan) dan ahli keluarga terdekat mereka.
- Pekerja, wakil, pengedar, agensi pengiklanan dan promosi Penganjur serta ahli keluarga terdekat mereka.

5. Bagaimanakah cara untuk saya layak menyertai peraduan ini?

- Anda mesti berbelanja minimum RM30 secara tanpa tunai (*cashless*) dalam satu hari di gerai-gerai terpilih di R&R dan Hentian Sebelah PLUS:
- Guna kad MyDebit melalui terminal MPay, NTT Data atau Pinelabs; ATAU
- Guna DuitNow QR (Dynamic QR) melalui terminal NTT Data atau Pinelabs.
- Jumlah RM30 boleh daripada satu resit tunggal atau gabungan resit pada hari yang sama.

6. Bagaimanakah cara untuk hantar penyertaan?

- Imbas kod QR daripada bahan komunikasi kempen seperti poster dan lain-lain.
- Muat naik resit perbelanjaan di laman web khas kempen.
- Isikan Nama, Nombor Telefon dan Emel.

7. Berapa banyak penyertaan yang boleh dihantar?

Tiada had bilangan penyertaan selagi setiap penyertaan disertakan dengan resit berbeza. Resit yang sama tidak boleh dihantar lebih dari sekali.

8. Di manakah lokasi peniaga yang mengambil bahagian?

Anda mesti berbelanja di gerai-gerai yang mengambil bahagian di R&R dan Hentian Sebelah PLUS yang disenaraikan di lokasi di bawah:

- 1) R&R Gurun Arah Utara
- 2) R&R Gurun Arah Selatan
- 3) R&R Gunung Semanggol Arah Utara
- 4) R&R Gunung Semanggol Arah Selatan
- 5) Hentian Sebelah Taiping Arah Utara
- 6) Hentian Sebelah Taiping Arah Selatan
- 7) Hentian Sebelah Bukit Gantang Arah Utara
- 8) R&R Sungai Perak Arah Utara
- 9) R&R Sungai Perak Arah Selatan
- 10) Hentian Sebelah Simpang Pulai Arah Utara
- 11) Hentian Sebelah Simpang Pulai Arah Selatan
- 12) R&R Tapah Arah Utara
- 13) R&R Tapah Arah Selatan
- 14) R&R Ulu Bernam Arah Selatan
- 15) Hentian Sebelah Ladang Bikam Arah Utara
- 16) Hentian Sebelah Ladang Bikam Arah Selatan
- 17) Hentian Sebelah Behrang Arah Utara
- 18) Hentian Sebelah Behrang Arah Selatan
- 19) R&R Rawang Arah Utara
- 20) Restoran Jejantas Sungai Buloh (OBR)
- 21) R&R Dengkil Arah Utara
- 22) R&R Dengkil Arah Selatan
- 23) Hentian Sebelah Serdang Arah Utara
- 24) Hentian Sebelah Serdang Arah Selatan
- 25) Hentian Sebelah Nilai Arah Utara
- 26) Hentian Sebelah Nilai Arah Selatan
- 27) R&R Seremban Arah Utara
- 28) R&R Seremban Arah Selatan
- 29) Restoran Jejantas Ayer Keroh (OBR)
- 30) R&R Ayer Keroh Arah Utara
- 31) R&R Ayer Keroh Arah Selatan
- 32) R&R Pagoh Arah Utara
- 33) R&R Pagoh Arah Selatan
- 34) R&R Machap Arah Utara
- 35) R&R Machap Arah Selatan

9. Apakah hadiah yang ditawarkan?

- Hadiah Utama: 1x Perodua Alza 1.5 AH
- Hadiah Pertama: 10x Baucar Petrol bernilai RM5,000 setiap satu (bekalan setahun)
- Hadiah Kedua: 3x Samsung Galaxy Z Flip 7
- Hadiah Saguhati: 10x Samsung Galaxy Tab FE
- Hadiah Bulanan:
 - 100x Baucar Petrol bernilai RM300
 - 100x Baucar Petrol bernilai RM200

10. Bolehkah saya menang lebih daripada satu hadiah?

Tidak. Setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh peraduan.

11. Bila pemenang akan diumumkan?

- Pemenang Hadiah Bulanan: Diumumkan pada akhir bulan berikutnya. (contoh: Pemenang Oktober diumumkan pada 30 November 2025).
- Pemenang Hadiah Utama, Pertama, Kedua & Saguhati: Diumumkan dalam masa 30 hari sebelum Majlis Penyampaian Hadiah pada tahun 2026.

12. Adakah hadiah boleh ditukar?

Ya. Penganjur berhak menukar hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai tanpa sebarang notis.

13. Siapa tanggung kos penyertaan?

Semua kos (contoh: internet, pengangkutan, perbelanjaan peribadi) adalah tanggungjawab peserta.

14. Apa berlaku jika peraduan terganggu?

Penganjur berhak untuk mengubah, menangguh atau membatalkan peraduan jika berlaku masalah di luar kawalan (contoh: isu teknikal, penipuan, arahan kerajaan).

15. Undang-undang mana yang diguna pakai?

Peraduan ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia.

16. Di manakah saya boleh mendapatkan Terma dan Syarat kempen ini?

Terma dan Syarat kempen boleh didapati di:

- <https://prizehunt.xyz/contests/18-belanja-dan-menang>
- <https://www.plus.com.my/our-facilities/>